

OUCH!

Surat Berita Bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer

Tip Menggunakan Media Sosial Dengan Selamat

Pengenalan

Laman media sosial seperti Snapchat, Facebook, Twitter, Instagram dan LinkedIn adalah sumber yang menakjubkan yang membolehkan anda untuk bersua, berhubung dan berkongsi dengan orang di serata dunia. Walaupun begitu dengan kebolehan seperti ini terdapat risiko kepada anda dan seisi keluarga, rakan-rakan dan majikan. Dalam surat berita ini kami akan berkongsi langkah-langkah untuk menggunakan media sosial secara selamat.

Hantaran

Hati-hati dan fikir dahulu sebelum membuat hantaran. Apa-apa yang anda hantar lambat-laun berkemungkinan menjadi umum, mendatangkan impak kepada reputasi dan masa depan anda, termasuklah institusi pengajian yang boleh didaftar dan tempat anda bekerja. Jika anda tidak mahu keluarga atau majikan untuk melihatnya mungkin hantaran itu tidak patut di buat pada awalnya. Perhatian juga perlu diberikan kepada hantaran orang lain terhadap anda. Anda mungkin perlu meminta individu tersebut menurunkan hantaran itu.

Privasi

Hampir semua laman media sosial mempunyai pilihan privasi yang kukuh, jadi bolehkannya bila mungkin. Sebagai contoh, adakah laman tersebut benar-benar perlu menjejak lokasi anda? Sebagai tambahan, pilihan privasi kadangkala mengelirukan dan seringkali berubah-ubah. Jadikan sebahagian daripada kebiasaan untuk menyemak dan memastikan ianya berfungsi seperti apa yang anda mahukan.

Ungkapan Laluan

Lindungi akaun media sosial anda dengan menggunakan ungkapan laluan yang panjang dan unik. Ungkapan laluan adalah kata laluan yang di buat menggunakan beberapa perkataan, menjadikannya mudah untuk ditaip dan diingat, tetapi sukar untuk penyerang siber meneka.

Mengunci Akaun Anda

Lebih bagus jika pengesahan dua faktor digunakan pada semua akaun. Ini akan menambah kod laluan sekali kepada kata laluan apabila anda log masuk. Cara ini amat mudah dan merupakan salah satu langkah yang kukuh untuk menjamin sesuatu akaun.

Penipuan

Sama seperti e-mel, orang jahat akan cuba untuk memperdaya dan menipu anda menggunakan mesej media sosial. Sebagai contoh, mereka mungkin akan cuba mendapatkan kata laluan atau kad kredit. Hati-hati dengan apa yang

anda klik, jika ada rakan yang menghantar suatu mesej yang tampak aneh atau tidak seperti datangnya dari mereka, berkemungkinan ada penyerang siber cuba untuk menyamar sebagai rakan anda.

Syarat Perkhidmatan

Ambil tahu syarat perkhidmatan laman tersebut. Sebarang hantaran atau muat naik mungkin akan menjadi hak milik laman tersebut.

Kerja

Jika ada sesuatu tentang kerja yang ingin anda hantar semak dengan penyelia terlebih dahulu untuk memastikan ia boleh dikongsi kepada umum.

Ikuti langkah ini untuk menikmati pengalaman dalam talian yang lebih selamat. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut bagaimana untuk menggunakan laman media sosial dengan lebih selamat atau melaporkan aktiviti yang tidak dibenarkan, semak halaman keselamatan laman media sosial tersebut.

Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snc.skmm.gov.my/>.

Editor Jemputan

Jessica Barker adalah yang terbaik didunia apabila berbicara tentang ciri kemanusiaan dalam keselamatan siber. Beliau adalah pengasas bersama [Redacted Firm](#), di mana beliau menawarkan khidmat perundingan kepada pelanggannya di seluruh dunia, dan juga merupakan seorang penceramah terkenal. Ikuti twitter beliau di [@drjessicabarker](#).



Sumber

Ungkapan Laluan:	https://www.sans.org/u/B6E
Pengesahan Dua Langkah:	https://www.sans.org/u/B6J
Menjamin Kanak-kanak Dalam Talian:	https://www.sans.org/u/B6O
Kunci Log Masuk Anda:	https://www.lockdownyourlogin.org/

Lesen

OUCH! diterbitkan oleh program SANS "Securing The Human" dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0 license](#). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal. Untuk edisi lepas atau versi diterjemahkan, lawati www.sans.org/security-awareness/ouch-newsletter. Editor: Walt Scrivens, Phil Hoffman, Cathy Click, Cheryl Conley | Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie